MAKLUMBALAS CADANGAN AKTA PENUBUHAN BOARD OF COMPUTING PROFESSSIONAL MALAYSIA (BCPM)

Lanjutan daripada Hari Terbuka *Board of Computing Professional Malaysia* (BCPM) yang telah diadakan pada 13 Disember 2011 untuk mendapat maklumbalas dan pandangan umum, satu kajian SWOT telah dilaksanakan oleh komuniti OSS bagi melihat impak BCPM ke atas pelaksanaan pembangunan Pelan Induk Perisian Sumber Terbuka (OSS) Sektor Awam. Pembentangan *SWOT Analysis of Computing Professionals Bill 2011* ini telah dibincangkan dalam *OSS Community Forum,* pada 6 Januari 2012, yang dihadiri oleh wakil-wakil komuniti OSS. Sila rujuk slaid *SWOT Analysis of Computing Professionals Bill 2011* seperti di lampirkan.

Hasil dari perbincangan ini, berikut adalah pandangan bersama mengenai impak negatif BCPM ke atas pelaksanaan Pelan Induk OSS Sektor Awam yang telah menyumbang ke arah:

a) Pembangunan modal insan yang inovatif dan kreatif ke arah pembangunan ICT negara. Bil ini akan menghadkan perlaksanaan model pembangunan OSS yang berasaskan kolaborasi dan meritokrasi menerusi perkongsian *source code,* idea dan kepakaran secara global;

b) Kebebasan memilih perisian dan pembekal ICT. Bil ini akan menghadkan kebebasan tersebut secara langsung dengan tindakan pengiktirafan oleh BCPM dan secara tidak langsung melalui peraturan yang ditetapkan;

c) Perkembangan pembangunan dan perlaksanaan OSS dalam penambahbaikkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Bil ini akan menyekat penggunaan OSS yang meningkatkan *interoperability*, *transparency*, dan keberkesanan kos;

d) Penjimatan kos perlaksanaan ICT melalui kos perlesenan dan pengurangan kos pembangunan sistem. Bil ini akan mengurangkan penggunaan OSS yang akan meningkatkan kos perlaksanaan;

e) Peningkatan perkembangan industri ICT tempatan yang merangkumi pelbagai bidang pengkhususan dan kepakaran dengan mengambilkira kemajuan teknologi global yang pesat. Bil ini akan menjejaskan pertumbuhan industri ICT tempatan kerana sekatan-sekatan oleh BCPM akan mengurangkan persaingan serta bidang pengkhususan dan kepakaran ICT. Bil

ini juga akan melembabkan perkembangan teknologi tempatan berbanding dengan perkembangan terkini di peringkat global;

f) Peningkatan pertumbuhan komuniti OSS ke arah perkembangan masyarakat berilmu yang boleh menyumbang kepada pencapaian status negara maju yang berpendapatan tinggi. Bil ini tidak menggalakkan peningkatan pertumbuhan komuniti OSS kerana ianya boleh menjejaskan pembangunan dan perlaksanaan OSS secara umum; dan

g) Pemantapan perkembangan ekosistem OSS yang berlandaskan perkongsian pintar menerusi kolaborasi antara *stakeholder* yang terdiri dari sektor awam, industri ICT, institusi pengajian tinggi dan komuniti OSS. Bil ini akan mencemari ekosistem OSS di mana ia akan menjejaskan interaksi dan perkongsian idea dan sumber antara semua *stakeholder*.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut, cadangan-cadangan yang berikut adalah dikemukakan:

a) Mengkaji semula draf Akta Rang Undang-undang BCPM dengan mengambil kira kepantasan perkembangan teknologi ICT, kecekapan dan kepantasan kerajaan menyampaikan perkhidmatan dan perkembangan pesat di peringkat global.

b) Menubuhkan panel yang antaranya diwakili oleh OSCC MAMPU dan juga komuniti OSS bagi mengkaji semula draf rang undang-undang tersebut.

c) Menjalankan kajian pendekatan ke atas negara-negara yang melaksanakan rang undang-undang yang sama bagi melihat keberkesanannya.

d) Memastikan hasil kajian SWOT dari sudut kelemahan dan ancaman diambilkira dalam penambahbaikan draf Akta Rang Undang-undang BCPM khususnya bagi perkembangan ICT dan Program Tranformasi Ekonomi Negara dan seterusnya pelaksanaan Pelan Induk OSS Sektor Awam.